

**Kajian Komperatif  
Antara Qiraat Asim Dan  
Nafi, Implikasi Pada Hukum Fiqh**

**Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff  
Mohd A'Tarrahim bin Mohd Razali**

**Abstrak**

**Kajian ini bertujuan merungkai kedudukan Qiraat Mutawatirah iaitu Qiraat Nafi' dan Qiraat Asim terhadap disiplin ilmu Islam yang lain. Pemerhatian ditumpukan kepada perbezaan yang wujud antara kedua-dua tokoh Qiraat ini dari aspek *usul* dan *wajh qiraat* bertujuan meninjau dan mengamati metode riwayah yang terdapat antara kedua-dua tokoh imam yang mashhur ini. Di samping itu juga, tesis ini juga akan menyingkap dan menganalisa pengaruhnya terhadap penginstibatan hukum dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran terutama ayat-ayat yang melibatkan hukum-hukum fiqh secara keseluruhannya di dalam al-Quran. Ternyata dapatan hasil penyelidikan ini merumuskan bahawa kesahihan Qiraat Nafi dan Asim, jelas tidak boleh disangskian lagi tentang kesahannya, perbezaan usul memberi kesan pengaruh dalam pengamalan bacaan al-Quran masakini malah ketidaksamaan bacaan al-quran menerusi perbezaan Qiraat memberi impak yang besar dalam penafsiran al-Quran terutama ayat-ayat al-Quran yang melibatkan hukum fiqh. Kajian ini diharap menjadi perintis kepada pengkaji yang lain untuk lebih prolifik mengenai ilmu qiraat dalam membahaskannya dari pelbagai sudut disiplin ilmu secara lebih kritis supaya ia dapat ditelaah, dikaji, difahami, diperkasai dan diimplementasikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran seajar dengan kepentingannya terhadap cabangan ilmu-ilmu Islam yang lain bermatlamatkan agar ia terus berkembang dan bertapak pada kaca mata masyarakat Ilmuan Islam secara khusus dan masyarakat sejagat secara umumnya.**

## Kata Kunci

**Qiraat Mutawatirah, Asim, Nafi', ulama Qiraat, ulama fuqaha**

### Pendahuluan

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Nabi yang mulia, Muhammad *sallallahu 'alayhi wa sallam.***

#### 1.1 Pengenalan

**Al-Quran merupakan mukjizat agung Rasulullah SAW yang diturunkan kepada baginda untuk disampaikan kepada seluruh ummatnya. Walaubagaimanapun sejarah merakamkan pernah berlaku kecelaruan dalam periyatan al-Quran yang disampaikan pada peringkat awal berdasarkan Ahruf Sab'ah namun para sahabat r.a. masih dapat menjaga dengan sebaiknya melalui seliaan oleh nabi s.a.w.<sup>1</sup> Begitulah juga berlaku kecelaruan itu baik pada generasi para sahabat, tabien dan selepas tabien maka al-Quran itu masih utuh pemeliharaannya di bawah seliaan insan-insan terpilih iaitu kalangan para ulama Qiraat yang lahir pada masa itu.<sup>2</sup>**

**Sekiranya kita melihat dalam disiplin ilmu Qiraat, golongan yang meriwayatkan wajah-wajah bacaan dalam al-Quran dikenali sebagai Qurra' ataupun ulama Qiraat. Qurra' merupakan golongan yang alim mengenai wajah-wajah bacaan yang terdapat dalam al-Quran. Mereka dikenali sebagai Qurra' Sab'ah ataupun Qurra' Asharah. Antara tokoh Qurra yang menonjol dan didokumentasikan sebagai Qurra tujuh yang**

---

<sup>1</sup> Sila rujuk Hadith Tentang Kewairidan Ahruf Saba'ah, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1990) Panduan membaca al-Quran Rasm Uthmani dan Klebihannya, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. h. 2

<sup>2</sup> Sila rujuk kitab Abu Yasir, al-Durrah al-Nudiyah Fi Usul al-Qiraat al-Qur'aniyyah Dirasah Fi Usul Wa Tarikh al-Qurra al-Asharah.

dinisbahkan kepada tujuh bilangan iaitu, Nafi', Ibn Kathir, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Hamzah, Kisa'I manakala Qurra sepuluh pula merujuk kepada penambahan dengan tiga Qurra lagi iaitu Abu Jaafar, Ya'qub Dan Khalaf al-Ashir. Namun begitu kelihatan Qiraat Imam Nafi dan Imam Asim lebih menonjol berbanding yang lain kerana kedua-dua riwayat ini telah diguna pakai oleh kebanyakan Negara Islam.

Dalam disiplin ilmu Fiqh pula, golongan yang membahaskan permasalahan hukum-hukum dalam ayat al-Quran pula dikenali sebagai Fuqaha'. Golongan ini merupakan kalangan yang alim mengenai penginstibatan hukum-hukum tasri' yang terdapat ayat-ayat Fiqh dalam al-Quran. Antara tokoh-tokoh Fuqaha yang masyhur dalam lipatan sejarah Islam iaitu Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad. Keempat-empat tokoh ini telah mempelopori madhhab masing-masing dalam menginstibatankan ayat-ayat hukum fiqh berdasarkan pengamatan mereka terhadap Qiraat sehingga menghasilkan tujuan hukumnya yang tersendiri.

Imam Hanafi dikenali sebagai pelopor madhhab Hanafi, Imam Malik dikenali sebagai pelopor madhhab Maliki, Imam Shafie dikenali sebagai pelopor madhhab Shafie dan Imam Ahmad dikenali pula sebagai pelopor madhhab Hanbali. Keempat-empat madhhab ini telah bertebaran di dunia ini, menjadi ikutan dan amalan oleh kalangan umat Islam masakini. Mereka berpegang berdasarkan kekuatan dan keyakinan terhadap pengaruh yang dibawakan dalam madhhab yang diikuti masing-masing.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, al-Quran mempunyai banyak wajah bacaan, penginstibatan mengenai hukum-hukum itu tidak dapat tidak mestilah berpaksikan kepada wajah-wajah bacaan yang ada dalam menghuraikan sesuatu ayat al-Quran. Lipatan sejarah merakamkan

**bahawa para Fuqaha merujuki bacaan para Qurra sebelum mengeluarkan sesuatu hukum dalam ayat al-Quran. Pelbagai pujian dan pengiktirafan yang diberikan oleh kalangan Fuqaha madhhab empat terhadap sebahagian kalangan Qurra berkenaan.**

Hal ini dibuktikan dengan pengakuan Imam Abu Hanifah terhadap Imam Hamzah (tokoh Qurra): “Dua perkara yang tidak dapat aku tandingi engkau iaitu ilmu al-Quran dan Fara’id.” Imam Malik telah ditanya mengenai membaca basmalah secara jahar (nyata iaitu dapat didengari) dalam solat. Beliau berkata: “Tanyalah Imam Nafi’ kerana setiap ilmu itu seharusnya ditanya kepada ahlinya bahkan Imam Nafi rujukan orang dalam Qiraat.” Imam Ahmad bin Hanbal pula telah memilih Qiraat Nafi sebagai bacaannya dan menjadikan Qiraat Asim sebagai sandarannya yang kedua. Ditanya Imam Ahmad bin Hanbal mengenai Imam Asim lantas beliau menjawab: “Beliau seorang yang baik dan thiqah.

Bahkan dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar telah menunjukkan bahawa setiap perbahasan dalam penginstibatan sesuatu hukum itu merujuki bacaan Qurra berkenaan. Melihat keadaan ini, ianya secara tidak langsung telah memperlihatkan kepada kita bahawa kedua golongan ini menjalankan hubungan yang harmonis dalam menghuraikan setiap permasalahan hukum-hukum shari’ah yang berkaitan dalam bidang Fiqh.

Secara faktanya, ilmu qiraat dan fiqh merupakan dua cabang ilmu dari pengajian *‘Ulum al-Qur'an* yang saling berkait-rapat antara satu sama lain. Hal ini kerana *al-Qiraat* itu sendiri memainkan peranan yang penting dalam menentukan cara penginstibatan hukum al-Quran kalangan fuqaha’ itu sendiri. Kepelbagaiannya *wajh al-qiraat* secara tidak langsung memperluaskan pemahaman maksud ayat al-Quran dan

memberi kesan cara bagaimana penginstibatan hukum dilakukan berdasarkan ijihad kalangan fuqaha' yang mutqin. Dan hasilnya telah menjadi satu rahmat dan kemudahan kepada ummat Islam untuk beramal dengannya. Antara salah satu contoh yang dapat diutarakan di sini ialah mengenai perbincangan ulama mengenai pengambilan maqam nabi Ibrahim ( a.s. ) sebagai tempat beribadat di dalam surah al-Baqarah, ayat 12 iaitu:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْرَدْنَا مَنْ تَحْكَمَ فِي مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مَصْلَى<sup>3</sup>

## 1.2 Permasalahan Kajian

**Qiraat Imam Nafi dan Asim merupakan salah satu daripada Qiraat yang muktabar diakui kesahannya dalam periyawatan al-Quran.** Bahkan bacaan kedua-duanya telah menjadi rutian bagi masyarakat di sebahagian besar negara Islam berbanding para Qurra yang lain. Umum mengetahui bahawa kedua-dua imam ini, masing-masing mempunyai dua orang murid yang mengambil bacaan berkenaan. Imam Nafi umpamanya mempunyai dua muridnya yang mayhhur iaitu Qalun dan Warsh. Manakala Imam Asim pula juga mempunyai dua orang murid yang mayhhur iaitu Shu'bah dan Hafs. Namun antara kedua-dua murid setiap imam tersebut, bacaan Warsh begitu sinonim dengan riwayat Nafi manakala bacaan Hafs pula begitu sinonim dengan riwayat Asim.

**Qiraat Asim umpamanya telah menjadi bacaan rutian di kebanyakan negara Islam termasuklah di Malaysia khususnya bacaan riwayat Hafs daripada Asim. Manakala bacaan riwayat Warsh daripada**

---

<sup>3</sup> Warsh melalui gurunya Imam Nafi' telah meriwayatkan bacaan pada ayat yang bergaris itu dengan baris *fathah* ( atas ) pada kha' manakala Hafs melalui gurunya Imam Asim pula meriwayatkan bacaan dengan baris *kasrah* ( bawah ) pada kha'. Bacaan Warsh ini secara jelasnya menunjukkan hukum menjadikan maqam nabi Ibrahim ( a.s ) adalah suatu yang sunah sahaja manakala bacaan Hafs pula menunjukkan ianya adalah suatu yang wajib.

**Nafi pula telah menjadi bacaan rutian di negara Islam seperti di Magribi, Mesir dan sebahagian negara Afrika. Bahkan di Libya mengamalkan bacaan Qalun daripada Imam Nafi.**

**Di sebalik kepopularitian kedua-dua imam ini yang mendominasi bacaan masyarakat umum berbanding yang lain, ia telah menimbulkan kekeliruan khususnya kalangan masyarakat di Malaysia mengenai bacaan yang lain di mana mereka ( Syu'bah dan Qalun ) juga merupakan bacaan daripada Imam Nafi dan Asim. Di Malaysia, sekiranya bacaan Syu'bah dibaca dalam solat sudah tentu ia menjadi isu dan satu kejanggalan yang cukup besar apatah lagi dengan bacaan Warsh dan Qalun. Bahkan ia menimbulkan celaan kalangan lapisan masyarakat umum kerana bercanggahan dengan bacaan mereka. Hal ini berlaku kerana kita hanya didedahkan dengan bacaan Hafs sejak dulu lagi dan tidak didedahkan dengan bacaan yang lain walaupun ianya datang daripada guru yang sama. Bahkan bacaan Hafs itu sendiri turut menerima tempiasnya kerana terdapat golongan pembaca yang mencampur-adukkan bacaan beliau dengan tariq al-Jazari walhal di Malaysia mengamalkan tariq al-Shatibiyy. Dan ini merupakan celaan bagi kalangan yang takhasus dalam bidang Qiraat bagi kalangan yang melakukan perihal demikian kerana ianya bercanggahan dengan disiplin ilmu qiraat itu sendiri.**

**Penulis tidak menafikan berkemungkinan besar di sana terdapat alasan yang konkrit mengapa keadaan ini berlaku seluruh negara di dunia. Apa yang pasti, penulis merasakan ia mungkin adalah untuk menjaga perpaduan dalam umat Islam dalam penjagaan al-Quran di peringkat permulaan. Lagipun disiplin ilmu ini hanya diketahui kalangan yang menceburi bidang berkenaan sahaja dan masyarakat mungkin pada masa itu belum bersedia untuk didedahkan mengenai keberadaannya. Dan apa yang terjadi dalam campur-aduk tariq dalam**

**bacaan Hafs itu sendiri berkemungkinan kerana kejahilan masyarakat mengenainya.**

Namun begitu, di Malaysia masakini umpamanya, kita telah melihat arus perkembangan ilmu al-Quran dalam bidang Qiraat telah mendapat perhatian masyarakat umum dan ia telah berkembang pesat sekali berikutan kewujudan pusat-pusat pengajian tahfiz yang bertebaran di seluruh Malaysia. Jelas menunjukkan bahawa masyarakat telah terbuka minda dan menyedari betapa pentingnya pembelajaran disiplin ilmu ini untuk diwarisi sebagaimana para ulama silam menguasainya sekian lama.

Selain pihak kerajaan, walaupun penjenamaan Akademi al-Quran (AQ) telah mengorak langkah proaktif dalam memberi pendedahan mengenai kepelbagai bacaan ini kepada lapisan masyarakat namun penulis berpandangan ianya masih belum mencukupi dan tidak menyeluruh. Menurut tinjauan mudah yang dilakukan, masih ramai umat Islam yang tidak mengetahui kepentingan ilmu qiraat dan perkaitannya dengan disiplin ilmu Islam yang lain seperti tafsir dan fiqh. Kajian komperatif secara kritikal antara dua metod imam masyhur yang menggabungkan kombinasi ilmu tafsir, fiqh dan Qiraat sangat jarang didapati di negara kita justeru kajian ini dilihat sebagai satu keperluan dalam memenuhi tuntutan ilmu al Quran. Di samping itu, ia secara tidak langsung memberi input kepada masyarakat tentang kepentingan kombinasi ilmu Qiraat, fiqh dan tafsir dalam dalam usaha membentuk masyarakat yang celik al-Quran.

Di samping itu, penulisan kritikal berdasarkan penyelidikan secara komperatif dan mencari signifikan perbezaan antara jurang perbezaan antara kedua-dua tokoh ini berdasarkan *Usul al-Riwayah* dan *Farsh al-Huruf* dan implikasi perbezaan bacaan terhadap disiplin Islam

yang lain seperti lughah, tafsir, fiqh dan cara pengintibatan yang dilakukan oleh kalangan ulama fiqh terhadap sesuatu ayat al-Quran yang berkaitan Fiqh harus diketengahkan dan dikaji secara kritis. Kekangan karya-karya ilmiah dalam bahasa melayu merujuk kepada disiplin ilmu ini begitu terhad, terbatas dan belum didokumentasikan bahkan sekalipun ianya dihasilkan hanya meliputi ruang lingkup sejarah dan metod-metod sahaja tanpa melihat dari sudut yang lebih jauh sebagaimana yang ingin dikaji oleh penulis secara komperatif dan komprehensif.

Tambahan pula, penulisan dan kajian yang berbentuk komperatif kurang ditonjolkan dan dibincangkan secara ilmiah di peringkat akademik khususnya. Lebih-lebih lagi mengenai Qiraat Asim yang telah terkenal dan Qiraat Nafi yang semakin mendapat perhatian di Malaysia ketika ini. Ini kerana terdapat perbezaan *usul* yang ketara dan *khilaf bacaan* di dalamnya malah memberi kesan dalam Perundangan Islam terutamanya di dalam perbincangan *Fiqh Islami*.

Antara contoh yang membicarakan permasalahan ini umpsamanya seperti kekhilafan yang terdapat pada ayat 20 di dalam surah al-Muzammil iaitu:

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكُمْ تَقُومُ أَذْنِي مِنْ تَلَثِي اللَّيْلِ وَنَصْفَهُ وَتَلَثِي وَطَائِفَةً مِنَ الظَّهِيرَةِ مَعَكُ

Bacaan Nafi yang diriwayatkan oleh Warsh telah meriwayatkan bacaan pada ayat yang bergaris itu dengan baris *kasrah* ( bawah ) manakala bacaan Asim yang diriwayatkan oleh Hafs pula meriwayatkan bacaan dengan baris *fathah* ( atas ). Kedua qiraat ini telah menimbulkan persoalan mengenai penentuan waktu dalam mendirikan qiyamulail. Oleh itu terdapat perbincangan di kalangan ulama yang membincangkan perihal tersebut perlulah diselidiki dan dipertontonkan

pada mata umum. Terdapat juga hadith-hadith nabi yang secara tak langsung turut memperbicarakan hal tersebut dan ianya perlu dikupaskan.

Antaranya lagi ialah mengenai perbincangan ulama mengenai pengambilan maqam nabi Ibrahim ( a.s. ) sebagai tempat beribadat di dalam surah al-Baqarah, ayat 12 iaitu:

وإذ جعلنا البيت مثابة للناس وامتنا واتخذنوا من مقام إبراهيم مصلى

Di sini, bacaan Nafi yang diriwayatkan oleh Warsh telah meriwayatkan bacaan pada ayat yang bergaris itu dengan baris *fathah* ( atas ) manakala bacaan Asim yang diriwayatkan oleh Hafs pula meriwayatkan bacaan dengan baris *kasrah* ( bawah ). Qiraat pertama daripada Warsh itu menjelaskan tentang perkhabaran mengenai pengambilan maqam nabi Ibrahim ( a.s ) itu adalah sebagai suatu warisan peninggalan yang telah dilakukan sejak turun-temurun lagi. Akan tetapi qiraat yang kedua pula, menjelaskan suatu suruhan yang wajib dalam menjadikan maqam nabi Ibrahim a.s sebagai tempat beribadat. Bacaan Warsh ini secara jelasnya menunjukkan hukum menjadikan maqam nabi Ibrahim ( a.s ) adalah suatu yang sunah sahaja manakala bacaan Hafs pula menunjukkan ianya adalah suatu yang wajib. Terdapat perbincangan yang dapat diperluaskan mengenainya dan masih terdapat lagi ayat-ayat seperti ini bakal dijadikan bahan penulisan penulis nanti. Memadailah penulis mendatangkan secara ringkas terlebih dahulu sebagai permulaan ataupun tatapan awal sebelum menjangkau lebih lanjut di dalam tesis ini.

Justeru kajian mengenainya perlu dikupas agar menjadi bahan panduan dan memenuhi kekosongan yang ditinggalkan oleh ulama

terdahulu. Tambahan pula untuk menampung kajian dan bacaan sebegini dalam versi melayu adalah begitu minima dan terbatas dan ia sekurang-kurangnya dapat menampung keperluan ilmiah di dalam disiplin ilmu al-Quran yang sememangnya bersifat global. Sekiranya ada sekalipun, ia hanya berbentuk versi arab dan kurang didapati dalam versi melayu.

Oleh itu, wajarlah bagi penulis mengembeling tenaga dan masa untuk mengkaji permasalahan ini secara kritis agar ianya dapat memelihara kemurnian dan kesucian al-Quran dari sebarang penyelewengan dan menjadi satu sumbangan bernilai kepada masyarakat dan kerajaan di masa hadapan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

**Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa rasional berikut:**

- 1. Apakah kriteria dan kredibiliti imam Nafi dan Asim ( aspek sanad, keberadaannya masakini )(dalam bab 1)**
- 2. Apakah perbezaan metode bacaan usul dalam riwayah Nafi dan Asim. (dalam bab 2)**
- 3. Apakah perbezaan ayat-ayat fiqh yang berkaitan dengan bacaan riwayah imam Nafi dan Asim. (dalam bab 3)**
- 4. Sejauh manakah implikasi bacaan kedua-dua imam terhadap hukum fiqh. (dalam bab 4)**

### **1.4 Objektif Kajian**

**Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif berikut:**

1. Untuk mengetahui dan mengkaji latar belakang, kriteria, perbandingan kedua-dua imam dan pengaruh bacaannya masakini.
2. Untuk mengetahui dan mengkaji perbezaan metod yang digunakan antara kedua-dua imam dengan mengambil kira penyelarasan dari segi wajh qiraat baik dari aspek *Usul al-Qira'ah* dan *Farsh al-Huruf* (ayat-ayat yang berkaitan fiqh sahaja).
3. Untuk mengetahui dan mengkaji perbezaan ayat-ayat fiqh yang berkaitan dengan bacaan riwayah imam Nafi Dan Asim
4. Untuk menganalisis implikasi wajah Qiraat terhadap bahasa, pentafsiran dan fiqh khususnya dalam pengintibatan hukum kalangan fuqaha' berdasarkan wajh qiraat.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

1. Sebagai panduan kepada masyarakat Islam dalam memahami serta menghayati ilmu-ilmu al-Quran.
2. Sebagai rujukan ilmiyyah kepada pelajar yang berminat mengkaji bidang ini terutama dalam mengetahui kombinasi ilmu qiraat, tafsir dan fiqh.
3. Sebagai pendedahan kepada umat Islam yang mengamalkan satu wajah bacaan bahawa apakah penyelesaian dan pendekatan pemahaman yang sebenar sekiranya wujud perbezaan bacaan al-Quran terutamanya pada ayat-ayat Fiqh.
4. Sebagai sumbangan ke arah memperbanyak koleksi ilmiah yang dapat dijadikan rujukan oleh para pelajar dan sarjana dalam proses pembelajaran mereka.

### **1.6 Skop Dan Limitasi Kajian**

Kajian ini berbentuk kepustakaan (*maktabi*) dan secara khususnya menumpukan kepada tarikh bibliografi Imam Nafi' dan Imam Asim baik dalam aspek sanad, kriteria Dan perbandingan dan pengaruh bacaan mereka masakini. Selain itu, kajian ini juga menyingkap jurang perbezaan metode *Usul al-Qiraat* yang terdapat antara kedua-duanya dan mengkaji sejauh mana keistimewaan di sebalik bacaan yang diriwayatkan ini. Selain mengkaji metod bacaan Qiraat yang diriwayatkan, penulis juga akan menganalisa kesan ataupun impak perbezaan bacaan dalam *Farsh al-Huruf* tersebut terhadap disiplin ilmu Islam yang lain terutamanya Fiqh serta pandangan para Fuqaha madhhab empat mengenai ayat-ayat yang berkenaan.

Bagi merealisasikan tujuan ini, beberapa kitab Qiraat yang membincangkan tentang kedua-dua riwayat ini akan dijadikan bahan kajian. Kitab-kitab lain yang berkaitan dengan tajuk serta bab-bab selain qiraat yang berkaitan juga akan disentuh oleh penulis sama ada secara langsung atau tidak mengikut keperluan kajian. Selain itu analisis kalimah al-Quran hanya dilakukan berdasarkan bacaan riwayat Nafi' Dan Asim sahaja menepati tajuk tesis bagi mengetahui sejauh mana perbezaan yang ada antara kedua-duanya memberi kesan terhadap disiplin ilmu yang lain.

Imam Nafi' Dan Asim dipilih kerana bacaan riwayat mereka merupakan bacaan majoriti umat Islam di dunia termasuk Malaysia yang mengamalkan bacaan riwayat Hafs daripada imam Asim. Justeru itu, tidak dinafikan bahawa kebanyakan mushaf di serata dunia juga dicetak berdasarkan versi bacaan riwayat Imam Qalun, Warsh Dan Hafs termasuklah mushaf-mushaf al-Quran yang terdapat dalam Negara seperti Magribi, Mesir dan Malaysia dalam cetakan sekarang.

### **1.7 Signifikan Kajian**

**Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa rasional berikut:**

- 1. Menurut tinjauan mudah yang dilakukan, masih ramai umat Islam yang tidak mengetahui kepentingan ilmu qiraat dan perkaitannya dengan disiplin ilmu Islam yang lain seperti tafsir fiqh dan seumpamanya.**
- 2. Kajian komperatif antara dua metod yang menggabungkan kombinasi ilmu tafsir, fiqh dan Qiraat sangat jarang didapati di negara kita justeru kajian ini dilihat sebagai satu keperluan dalam memenuhi tuntutan ilmu al Quran.**
- 3. Memberi input kepada masyarakat tentang kepentingan kombinasi ilmu tafsir, fiqh dan Qiraat dalam dalam usaha membentuk masyarakat yang celik al-Quran.**

### **1.8 Tinjauan Literatur Review**

**Kajian analisis secara komperatif antara kedua-dua tokoh Qurra' dalam bidang Qiraat secara khusus dengan menggabungkan analisa kaedah penginstibatan para Fuqaha dalam bidang Fiqh terhadap kepelbagaian Qiraat masih belum dijumpai lagi setakat ini. Namun begitu, beberapa kitab perintis yang telah dikenal pasti menyentuh serba sedikit ruang lingkup secara umum beberapa perkara dalam kajian ini. Antaranya ialah:**

- 1. Al-Qiraat Wa Atharuha Fi al-Tafsir Wa al-Ahkam oleh Muhammad bin Umar bin Salim Bazamul.**

Kitab yang dihasilkan melalui kajian Phd ini mempunyai dua jilid. Jilid pertama lebih membahaskan pengenalan, penyusunan, pembahagian, cara bagaimana menolak shubhah dalam ilmu Qiraat. Manakala Jilid kedua pula membahaskan tentang perkaitan bacaan imam-imam Qiraat dalam penafsiran al-Quran baik dari aspek lughah, hukum dan seumpamanya. Namun, penulisan ini terlalu umum tanpa mengkhususkan farsh al-Huruf para imam tertentu dan ia langsung tidak menyentuh *Usul Qiraat* serta tidak menyentuh secara khusus perkaitannya dengan fiqh sebagaimana yang ingin dikaji oleh penulis.

## **2. Al-Qiraat al-Mutawatirah Wa Rasm al-Uthmani wa al-Ahkam al-Syar'iyyah oleh Muhammad al-Habsh**

Perbahasan kitab ini lebih kepada pengenalan ilmu Quran, Qiraat dan tokoh-tokoh Qiraat serta mengupaskan perbahasan panjang tentang perkaitannya dengan akidah dan fiqh tetapi ianya tidak mengkhususkan imam Nafi Dan Asim. Perbahasan kalimah al-Qurannya pula meliputi Qiraat sepuluh. Kitab ini juga tidak menperincikan perbahasan terhadap metode bacaan riwayat Imam Nafi dan Asim secara khusus yang diriwayatkan oleh mereka berdua. Walaupun penulisan ini tidak menyamai apa yang ingin dikaji oleh penulis namun penulis telah menjadikan karya ini sebagai rujukan semasa dalam menyiapkan kajian ini.

## **3. Athar Qiraat Fi al-Fiqh al-Islami oleh Sabri Abd Rauf**

Kitab ini pula juga membahaskan mengenai perkaitan Qiraat dalam disiplin ilmu Fiqh yang meliputi kesemua Qurra' tanpa menyentuh metode bacaan Qurra' ( Usul al-Qiraat ) di samping itu kitab ini juga menyentuh peranan Qiraat Shadhhah dalam penafsiran al-Quran. Perbezaan kajian beliau dengan penulis ialah penulis membahaskan

**metode khusus dua imam yang dibuat secara komperatif kritis dan menumpukan analisis pada bacaan riwayat Imam Nafi' dan Asim sahaja.**

**4. Qiraat Manhaj Qiraat Tujuh Beserta Dalil Matan Imam al-Shatibiyy oleh Mohd Nazri Abdullah**

Buku ini pula hanya membincangkan metode bacaan semua qurra tujuh sahaja besertakan dengan dalil yang diambil daripada matan Shatibiyy. Buku ini langsung tidak menyentuh skop yang ingin dibincangkan oleh penulis. Penulis buku ini tidak menyentuh perkaitan qiraat dengan disiplin ilmu yang lain dan analisa secara komperatif terhadap bacaan tidak dinyatakan sebagaimana yang ingin dilakukan oleh penulis.

**5. Kajian Ilmiah Tarikh al-Qurra': Satu Bibliografi Ringkas oleh Mohd Hasdi UM**

tentang khilaf para Qurra<sup>c</sup> dalam huruf-huruf al-Quran, menerangkan imam-imam, wajah setiap qiraat dan tafsirannya beserta dalil pemilihan bacaan setiap qari. Dinyatakan juga pemilihan beliau terhadap bacaan yang lebih sahih disisi beliau yang dinilai berdasarkan kekuatan dari segi makna dan *Icrab*.

### **1.9 Metodologi Kajian**

Kajian ini memuatkan dua jenis data iaitu data utama dan data sekunder yang akan di aplikasikan melalui kajian kepustakaan. Data utama merupakan kitab-kitab *turath* yang sebahagiannya yang didapati daripada rujukan perpustakaan. Manakala data sekunder pula merupakan kitab-kitab karangan ulamak moden yang bersifat *bukan rujukan asli*, tesis-tesis, jurnal, kertas kerja makalah dokumen-dokumen berkaitan, jurnal, pembentangan kertas kerja, laman web dan sebagainya. Dalam usaha mendapat dan mengumpul maklumat

menerusi kajian ini penulis menggunakan dua jenis metode utama, iaitu metode pengumpulan data dan metode analisa data.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kepustakaan sepenuhnya sesuai dengan tujuan kajian iaitu membuat kajian analisis terhadap kesan bacaan Imam Nafi dan Asim terhadap ayat-ayat fiqh berdasarkan perbincangan kalangan Fuqaha'. Melalui kaedah penyelidikan perpustakaan ini penulis akan mengumpul data menerusi metode dokumentasi dan metode pensejarahan. Hampir kesemua bab dalam kajian ini menggunakan metode berkenaan terutama bab pertama, kedua dan ketiga.

Melalui metode dokumentasi, penulis akan berusaha mengenalpasti, menyelidik dan mengumpul segala maklumat yang berkaitan menerusi metode dokumentasi dan metode pensejarahan yang akan di mutalaah menerusik kitab-kitab turath, kitab-kitab *muasarah*, tesis, kertas kerja, jurnal, artikel dan sebagainya daripada bahan-bahan yang berautoriti dalam bidang ini. Kesemua sumber ini penulis akan mendapatkannya melalui pembacaan di mакtabah-maktabah yang terdapat di seluruh Malaysia seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) dan sebagainya. Rujukan juga dibuat melalui kitab-kitab yang dipinjam daripada kawan-kawan dan guru-guru di samping kitab yang sedia ada dengan penulis.

Menerusi kaedah ini juga penulis akan mengumpulkan segala maklumat dan bahan serta mengkaji dengan terperinci kitab tafsir muktabar yang menerapkan kombinasi ilmu Qiraat seperti Tafsir Abu

**Hayyan, al-Tabari, al-Qurtubi, al-Sabuni dan seumpamanya.** Di samping kitab-kitab Qiraat yang membahaskan manhaj Qiraat riwayat Imam Nafi dan Asim secara menyeluruh. Begitu juga dengan kitab-kitab lain yang berkaitan bagi menyokong segala maklumat yang didapati dalam kedua-dua disiplin ilmu ini. Kesemua kitab-kitab sokongan ini amat penting untuk dijadikan sebagai sandaran, hujjah dan huraihan mengenai kajian yang ingin dilakukan tersebut.

Manakala melalui metode persejarahan pula penulis akan mengumpulkan segala fakta tentang sejarah serta latar belakang tokoh-tokoh yang berkaitan, sejarah dan perkembangan ilmu qiraat dan tafsir berserta contoh-contoh kitab berkaitan mengikut klasifikasi masing-masing. Beberapa contoh kajian kitab atau tesis yang berkaitan dengan tajuk ini juga akan dibahaskan sebagai perintis kepada kajian ini iaitu dalam tajuk tinjauan literasi.

### **1.9.2 Metode Historikal**

Metode ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan sejarah. Penulis menggunakan metode ini untuk memperolehi maklumat tentang bibliografi tokoh Qurra Dan juga tokoh Fuqaha' yang berkaitan dengan kajian ini. Metode ini akan digunakan dalam bab pertama.

### **1.9.3 Metode Analisa Data**

Segala bahan dan maklumat berkaitan kajian yang dikumpul akan di susun serta dianalisa mengikut disiplin yang telah ditetapkan. Ia akan di susun mengikut format kajian kepustakaan yang akan menganalisa metode periwayatan yang diriwayatkan oleh Imam Nafi Dan Imam Asim dalam al-Quran. Analisa dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah, analisis terhadap metod qiraat dan perbahasan

**ayat-ayat yang khilaf dari segi wajah qiraat. Di antara metod analisa yang digunakan ialah:**

**i) Metode Induktif**

Digunakan bagi menganalisis terhadap data yang diperolehi berkaitan kesan bacaan qiraat dalam penginstibatan hukum yang terhasil daripada perbezaan bacaan dan seterusnya membuat rumusan. Segala maklumat yang diperolehi adalah untuk mencari penyelesaian terhadapa permasalahan kajian.

**ii) Metode Deduktif**

Digunakan dengan menganalisis perbezaan bacaan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan fiqh yang diperolehi melalui penelitian, perbandingan dan penilaian itu, satu rumusan akan dibuat terhadap penemuan itu.

Penulis akan menggunakan format penulisan tesis berdasarkan gaya penulisan UM sebagaimana yang telah ditetapkan. Setiap ayat-ayat al-Quran akan diterjemah mengikut keperluan berpandukan kepada Terjemahan al-Quran Pimpinan al-Rahman keluaran JAKIM. Manakala setiap penukilan hadis akan ditakhrijkan oleh penulis berdasarkan pendapat ulama yang muktabar dalam bidang ini.

## **1.10 Sistematika Kajian**

### **Bab Pendahuluan**

- **Pengenalan**
- **Latar Belakang Permasalahan Kajian**
- **Persoalan Kajian**
- **Objektif Kajian**
- **Kepentingan Kajian**

- **Skop Dan Limitasi Kajian**
- **Signifikan Kajian**
- **Tinjauan Literatur Review**
- **Metodologi Kajian**
- **Sistematika Kajian**
- **Rujukan**

**Bab Satu - Sejarah Qiraat dan Penerimaan Qiraat Berasaskan tiga rukun Qiraat. Tokoh Qiraat dan Bibliografi Imam Nafi dan Asim.**

**Bab Dua – Asas-asas Metode Qiraat Nafi’ dan Asim. Perbezaan bacaan anatar keduanya dan analisa dinamika metode bacaan yang diriwayatkan.**

**Bab Tiga – Perbandingan bentuk-bentuk Qiraat berdasarkan Qiraat Nafi dan Asim dalam ayat-ayat fiqh dan analisis mengenainya.**

**Bab Empat – Analisis implikasi hukum yang berligar dalam ayat-ayat fiqh bersandarkan pandangan kalangan ulama Fuqaha’ yang empat iaitu Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad.**

**Bab Lima – Rumusan terhadap hasil keseluruhan kajian yang mengandungi saranan, cadangan, dapatan kajian dan penutup yang dapat diimplementasikan dalam perkembangan ilmu sejagat.**

### **1.11 Hipotesis/Dapatan Awal Kajian**

**Antara dapatan penting yang dijangkakan bakal diperolehi dalam kajian ini iaitu:**

- i. **Terdapat kriteria dan kreadibiliti yang utuh dalam periwayatan bacaan Imam Asim dan Nafi.**
- ii. **Terdapat perbezaan usul yang menyeluruh antara imam Asim Dan Nafi’.**
- iii. **Terdapat signifikan perbezaan metode periwayatan.**

- iv. **Terdapat perhubungan yang harmonis antara disiplin ilmu qiraat dan Fiqh.**
- v. **Terdapat signifikan perbezaan pendapat kalangan fuqaha berdasarkan kepelbagian Qiraat.**

### **1.12 Rujukan**

1. **Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin. 2003. *Tafsir Fath al-Rahman al-Rahim.. Juz 1. Cet1. Kaherah: Dar Muhaysin.***
2. \_\_\_\_\_ . tt. *al-Irshadat al-Jaliyyah Fi Qira'at al-Sab'i Min Tariq al-Shatibiyyah, Maktabah al-Kulliyyat: Kaherah.*
3. \_\_\_\_\_ **2002M/1423H. al-Qaul al-Sadid fi al-Difa' 'an Qira'at al-Quran al-Majid, Kaherah: Dar Muhaysin.**
4. **Abd al-karim al-Thauri. 2009. Athar al-Zaman ala tafsir al-Quran al-karim: Dirasah Muqaranah baina Jami' al-Bayan li al-Tabari wa Tafsir al-manar li Muhammad Rasyid Redha. Nilai: USIM.**
5. **Muhammad Arif Uthman Musa al-Harari.1997. Al-Qiraat al-Mutawatirah allati Ankaraoha Ibn Jarir al-Tabari fi Tafsiri wa al Raddu alaihi min awwali al-Quran ila Akhir Surah al-Taubah.Madinah al-Munawwarah: Jamiah Islamiyyah**
6. **Dr. Labib al-Said (t.t) Difa' an al-Qiraat al-Mutawatirah fi muwajahati al-Tabari al-Mufassir Dar al-Maarif.**
7. **Muhammad bin Jarir al-Tabari. 1992/1412. Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.**
8. **Ahmad Alam al-Din Ramadan al-Jundi. 1411H/1990M. al-Ghayah Fi al-Qira`at al-Ashr. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut,**

9. **Ibn Ahmad bin Muhammad al-Banna.** 1987M/1407H. *Ithaf Fudala` al-Bashr Bi al-Qira`at al-Arba'ah Ashar.* Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyah: Kaherah,
10. **Muhammad Umar bin Salim.** 1997. *Al-Qiraat wa Atharuha fi al-Tafsir wal Ahkam.* Riyadh: Dar al-Hijrah.
11. **Al-Dawudi.** Syamsuddin Muhammad bin Ali. 1983M/1403H. *Tabaqqat al-Mufassirin.* Cet. 2. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
12. **Ibn Taymiyyah.** 2001. *Majmu'ah Fataawa. c.2 , Mansurah:* Dar al-Wafa'
13. **Al-Qurtubi.** Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1996, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an.* Cet. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
14. **Al-Suyuti, Jalaluddin.** 1997, *al-Itqan fi Ulum al-Qur'an:* Tah. Sa'id al-Manduh. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thiqafah.
15. **Abu Amr Uthman al-Dani.** 1996. *Al-taysir fi al-Qiraat al-sab'i.* Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
16. **Muhammad Abd al-Azim al-Zarqani.** 1998, *Manahil al-Urfan fi Ulum al-Qur'an.* Tah. Ahmad Shamsuddin. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
17. **Al-Zahabi, Muhammad bin Husayn.** 2000. *Al-tafsir wa al-Mufassirun.* Dar al-Yusuf: Beirut.
18. **Ibn al-Jazari.** 1996. *Taqrib al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyr.* Tah. Ibrahim Uthwah Iwad. Kaherah : dar al-hadith.
19. \_\_\_\_\_ *al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyr.* t.t. tah. Jalaluddin Muhammad Syaraf. Mesir: dar al-Sahabah

- 20. Abdul Fatah b Abd al-Ghani al-Qadi. 1965.** *Tarikh Mushaf al-Syarif. Kaherah: Maktabah al-Masyhad al-Husayni.*
- 21. Abu Bakr Ahmad bin Musa Ibn Abbas al-Baghdadi. 1972.** *Kitab al-Sab'ah fi al-Qiraat li Ibn Mujahid. Tah. Dr. Syauqi Dayf. Mesir : Dar al-Maarir*
- 22. Dr. Subhi Soleh. 1964.** *Al-Mabahith fi Ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.*
- 23. Ibn Kathir .1997.** *Tafsir Ibnu Kathir, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.*
- 24. Ahmad Sunawari Long. 2009.** *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: UK*